

SULIT
1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
September
2009

1223/1



2 jam

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A dan Bahagian B.*
2. **Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman 14.
3. **Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan : **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.
4. Tulis **nama, kelas, no. kad pengenalan dan angka giliran** pada ruangan yang disediakan di halaman 14.
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 14 daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi **14** halaman bercetak dan **2** halaman tidak bercetak

Bahagian A
[40 markah]

Soalan 1 hingga soalan 20.

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

1 Islam mewajibkan taubat kepada orang yang telah melakukan dosa kerana

- A dapat memajukan diri
- B membersihkan diri dan jiwa
- C peluang meningkatkan ibadat
- D mendapat kedudukan yang baik dalam masyarakat

2 Berikut adalah punca-punca manusia membunuh diri **kecuali**

- A berharap dapat segera menemui Allah SWT
- B tidak yakin dengan rahmat Allah SWT
- C tidak sanggup menghadapi kegagalan
- D untuk menamatkan penderitaan hidup

3

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Mempunyai pengetahuan agama• Banyak melakukan ibadat sunat• Selalu berzikir dan beristighfar |
|--|

Pernyataan di atas menunjukkan ciri-ciri

- A orang yang bertambah iman
- B orang yang layak menjadi imam
- C orang alim yang diterima amalannya
- D orang yang berjaya di dunia dan akhirat

4 Di antara syarat-syarat taubat ialah

- I memohon kemaafan jika berkaitan dengan hak orang lain
- II berazam tidak akan mengulangi perbuatan maksiat lagi
- III berhenti melakukan maksiat untuk sementara waktu
- IV menyesal terhadap maksiat yang telah dilakukan

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D I, II dan IV

5

- Beriktikad bahawa pelaku dosa besar adalah kafir
- Membataskan sumber syariat hanya kepada Al-Quran

Pernyataan di atas merujuk kepada ciri-ciri pegangan

- A Khawarij
- B Qadiani
- C Taslim
- D Bahai

6 Golongan yang beriktikad bahawa Saidina Ali sebagai Tuhan ialah

- A Syiah
- B Syiah Batiniah
- C Syiah Imamiah
- D Syiah Zaidiyyah

7 Manakah di antara berikut **bukan** merupakan prinsip Ahli al-Sunah Wal Jamaah

- A berpegang teguh dengan al-Quran dan al-Sunah
- B berpegang dengan prinsip-prinsip al-Salafu Salih
- C mereka tidak menghukum kecuali dengan bukti sahih
- D mencela dan mengkafirkan orang yang tidak sealiran dengan mereka

8 Jenis dam yang dikenakan kepada orang yang mengerjakan haji tamatuk ialah

- A tertib dan takdil
- B tertib dan takdir
- C takhyir dan takdil
- D takhyir dan takdir


9 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai syarat-syarat sah binatang yang disembelih.

- I binatang ternakan
- II mati dengan sekali sembelihan
- III putus urat halkum dan urat marik
- IV penyembelih mestilah Islam atau Ahli Kitab

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 10** Berikut adalah hikmat sembelihan dalam Islam **kecuali**
- A** mengelakkan penyakit
 - B** memudahkan manusia untuk memakannya
 - C** sebagai tanda penghormatan kepada binatang
 - D** memastikan daging binatang bersih, halal dan bermutu tinggi
- 11** Syafiq berkata kepada Aminah yang telah kematian suaminya sebulan lalu :
" Aku ingin bersamamu " . Apakah hukum peminangan tersebut ?
- A** haram
 - B** harus
 - C** sunat
 - D** wajib
- 12** Berikut adalah ciri-ciri adil dalam syarat berpoligami **kecuali**
- A** makanan yang sama kualiti dan kuantiti
 - B** pakaian yang sama jenama dan harga
 - C** memberi nafkah zahir dan batin
 - D** kasih sayang sama rata
- 13** Antara bidang kuasa Mal yang diperuntukkan kepada Mahkamah Syariah ialah:
- I** kesalahan zina dan sumbang mahram
 - II** tuntutan harta sepencarian
 - III** penjagaan anak-anak
 - IV** wakaf dan nazar
- A.** I, II dan III
 - B.** I, II dan IV
 - C.** I, III dan IV
 - D** II, III dan IV

- 14 Rajah di bawah merujuk kepada li'an dalam perkahwinan.



P dalam rajah di atas ialah

- A rukun
 B sunat
 C syarat sah
 D syarat wajib
- 15 Hikmat Islam melarang lelaki memakai emas dan sutera ialah
- A membezakan pakaian lelaki dan perempuan
 B melambangkan pakaian upacara agama lain
 C mengelakkan berpakaian mewah
 D menjaga kulit lelaki
- 16 Berikut adalah adab menjaga orang sakit dari aspek emosi **kecuali**
- A memberi kerehatan yang secukupnya
 B memahami keperitan penderitaannya
 C bercakap dengan lemah lembut
 D bersabar mendengar rungutan
- 17 Pilih pernyataan yang menunjukkan hukum makruh bermusafir
- A menziarahi orang sakit
 B bermusafir tanpa tujuan
 C menunaikan Umrah di Mekah
 D menziarahi masjid al-Aqsa di Palestin

18

- Menghafaz al-Quran ketika berumur 11 tahun
- Menghafaz 100,000 hadis sahih dan 200,000 tidak sahih
- Berjaya mengumpul 600,000 hadis

Siapakah tokoh yang dimaksudkan di atas

- A Imam Malik
 B Imam Muslim
 C Imam Al-Bukhari
 D Imam Ahmad Bin Hanbal

19

- Saudara kandung Abu Abbas al-Saffah
- Khalifah Abbasiyah yang kedua
- Memperbaiki sistem cukai dan membina saluran

Pernyataan di atas merujuk kepada khalifah_____.

- A al-Makmum
- B Harun Ar-Rasyid
- C al-Muktasim Billah
- D Abu Jaafar al-Mansur

20 Tokoh ilmu Geografi yang menghasilkan peta dunia pertama dalam bentuk glob pada akhir zaman kerajaan Abbasiyah ialah


- A as-Syarif al-Idrisi
- B Jabir Bin Hayyan
- C al-Batani
- D Ibnu Sina

Soalan 21 hingga Soalan 40.

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

- 21 Orang yang menzahirkan keimanan dan menyembunyikan kekufuran dalam hatinya dikenali sebagai
- 22 Kembali semula taat kepada Allah SWT setelah menyesal melanggar perintahNya dinamakan
- 23 Hukum memakan harta anak yatim adalah dan berdosa besar.

Soalan 24 dan 25 adalah berdasarkan rajah di bawah.
Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



- 24 Q dalam rajah di atas ialah
- 25 R dalam rajah di atas ialah
- 26



Gambar 1
(Rumah terbakar)

Rumah Encik Asyraf telah musnah dalam satu kebakaran.
Jenis insurans yang boleh dituntut oleh En. Asyraf ialah

- 27 Sempadan masa dan tempat yang ditentukan untuk berniat ihram haji atau umrah disebut


- 28

<ul style="list-style-type: none">• Tamat tempoh• Barang hilang atau musnah• Tidak menepati syarat-syarat kontrak

Pernyataan di atas mengakibatkan terbatalnya kontrak_____ .

29 _____ ialah memasukkan buah tamar atau buah-buahan lain yang manis ke bahagian atas mulut (lelangit) bayi.

30



S dalam rajah di atas ialah

31 “Aminah berkahwin mengikut kadar mahar saudara perempuannya”. Mahar ini dikenali _____ .


32

Idah disebabkan perceraian hidup	
Status Isteri	Tempoh
Belum disetubuhi	Tiada Idah
Tidak hamil	T


T dalam rajah di atas ialah

33 “Berfikir satu saat lebih baik daripada berdiri sembahyang semalaman” ialah kata-kata _____

Soalan 34 dan 35 berdasarkan rajah di bawah.



- 34 U dalam rajah di atas ialah
- 35 V dalam rajah di atas ialah
- 36 Khalifah Umar al-Khattab pernah menghapuskan cukai seorang yahudi tua yang miskin.
- 37 Imam Ahmad Bin Hanbal digelar kerana menghafal lebih 700,000 hadis dan mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam ilmu hadis.
- 38 Lengkapkan struktur organisasi pasukan tentera zaman kerajaan Abbasiyah.




- 38 W dalam rajah di atas ialah
- 39 Tokoh ilmu falak zaman Abbasiyah yang berjaya menemui cara mengukur jarak antara bumi dengan matahari ialah
- 40 Karya termasyhur Ibnu Sina dalam bidang perubatan ialah

Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan : **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya.

1 (a)

Gambar 2
(Memuja kubur)

Amalan khurafat masih berlaku dalam masyarakat Islam di Malaysia walaupun aktiviti dakwah giat dijalankan.

- (i) Nyatakan **dua** contoh selain daripada amalan khurafat di atas yang masih diamalkan. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** usaha yang perlu anda lakukan untuk menjauhi amalan di atas. [4 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** kesan buruk terhadap individu sekiranya amalan tersebut tidak dibendung. [4 markah]
- (b) Ajaran sesat merupakan amalan yang masih berterusan dalam kepercayaan masyarakat Islam.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan ajaran sesat ? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** contoh ajaran sesat yang masih terdapat di Malaysia selain Qadiani dan Bahai. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** faktor yang menyebabkan segelintir masyarakat mudah terpengaruh dengan ajaran sesat. [4 markah]
 - (iv) Jelaskan perbezaan di antara ciri kesesatan ajaran Qadiani dengan Bahai. [2 markah]

2 (a) Melakukan ibadat korban dan akikah ialah dengan menyembelih binatang al-An'am untuk tujuan tertentu.

- (i) Nyatakan **dua** contoh binatang al-An'am. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** ciri binatang tersebut. [2 markah]
- (iii) Jelaskan persamaan di antara ibadah korban dan akikah. [2 markah]
- (iv) Jelaskan **dua** cara menyambut ulang tahun kelahiran menurut Islam. [4 markah]

(b)



Gambar 3
(Suasana keluarga bahagia)

Suami isteri yang bertanggungjawab menjamin kerukunan rumahtangga.

- (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab bersama suami isteri yang perlu dilaksanakan. [4 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** kebaikan kerukunan rumahtangga terhadap pembangunan ummah. [2 markah]
- (c) Nyatakan **hukum** dan **alasan** bagi situasi berikut :
- (i) Puan Marina melakukan tawaf wida' dengan memakai purdah (menutup muka). [2 markah]
 - (ii) Sarimah berkahwin dengan Musa setelah empat bulan kematian suaminya. [2 markah]

- 3** (a) Kekuatan ekonomi kerajaan Umayyah bergantung kepada pertanian.
- (i) Terangkan **dua** usaha yang dilakukan oleh kerajaan Bani Umayyah untuk memajukan sektor pertanian. [4 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** sumber kewangan kerajaan Bani Umayyah. [2 markah]
- (b) (i) Imam Malik ra seorang yang tegas dalam mempertahankan prinsipnya. Beliau pernah berkata : "Jangan belajar ilmu dengan empat golongan manusia".
Jelaskan **dua** daripada golongan tersebut. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** bukti yang menunjukkan ketegasan beliau. [4 markah]
- (c) Manusia dijadikan oleh Allah SWT sebaik-baik kejadian dengan dilengkapi akal fikiran.
- (i) Nyatakan **dua** sumber berfikir menurut Islam. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** cara berfikir. [4 markah]
 - (iii) Terangkan hubungan antara akal yang sihat dengan tubuh badan yang cergas. [2 markah]
- 4** (a) Perkembangan pendidikan pada zaman kerajaan Abbasiyah lebih pesat berbanding zaman kerajaan Umayyah.
- (i) Nyatakan **dua** kegiatan Bait al-Hikmah pada zaman kerajaan Abbasiyah. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** bentuk pencapaian ilmu fizik pada zaman tersebut. [4 markah]
- (b) HAMKA ialah seorang tokoh pejuang Islam yang agung di Nusantara.
- (i) Siapakah nama sebenar beliau ? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** hasil karya beliau dalam bidang sastera. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** kegigihan beliau dalam mengembangkan dakwah Islamiah di Nusantara. [4 markah]

- (c) Ahli Persatuan Agama Islam MRSM Kuala Kubu Bharu ingin mengadakan khemah ibadat ke Gunung Pulai, Johor.
- (i) Nyatakan **dua** persiapan yang perlu dilakukan oleh pelajar sebelum memulakan perjalanan. [2 *markah*]
- (ii) Terangkan **dua** kebaikan yang akan diperolehi oleh mereka. [4 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NAMA : _____ **KELAS :** _____


NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

- | | | | | | | |
|-----------|----------|----------|----------|----------|-----------|-------|
| 1 | A | B | C | D | 21 | _____ |
| 2 | A | B | C | D | 22 | _____ |
| 3 | A | B | C | D | 23 | _____ |
| 4 | A | B | C | D | 24 | _____ |
| 5 | A | B | C | D | 25 | _____ |
| 6 | A | B | C | D | 26 | _____ |
| 7 | A | B | C | D | 27 | _____ |
| 8 | A | B | C | D | 28 | _____ |
| 9 | A | B | C | D | 29 | _____ |
| 10 | A | B | C | D | 30 | _____ |
| 11 | A | B | C | D | 31 | _____ |
| 12 | A | B | C | D | 32 | _____ |
| 13 | A | B | C | D | 33 | _____ |
| 14 | A | B | C | D | 34 | _____ |
| 15 | A | B | C | D | 35 | _____ |
| 16 | A | B | C | D | 36 | _____ |
| 17 | A | B | C | D | 37 | _____ |
| 18 | A | B | C | D | 38 | _____ |
| 19 | A | B | C | D | 39 | _____ |
| 20 | A | B | C | D | 40 | _____ |



SULIT
1223/2
Pendidikan
Islam
Kertas 2
September
2009

1½ jam

1223/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 2

Satu jam empat puluh minit


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pegawai peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT:



Ayat di atas menerangkan bahawa Allah SWT akan memberi hidayah dan melapangkan dada kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan hidayah ? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** tanda orang yang berlapang dada. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** cara menggunakan akal untuk mendapatkan hidayah. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا. وَقَالَ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنَ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ. ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ: يَا رَبُّ يَا رَبُّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَعُذْيُ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لَهُ.

(رواه المسلم)

Hadis di atas menerangkan supaya umat Islam memilih makanan dan minuman yang halal. Namun begitu, Islam memberikan rukhsah dalam keadaan tertentu.

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan rukhsah dalam makanan dan minuman ? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** syarat rukhsah dalam pengambilan makanan dan minuman. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** hikmah rukhsah tersebut. [4 markah]
- (c) Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang betul daripada jadual yang diberikan. Anda hanya dikehendaki menulis jawapan sahaja mengikut susunan yang betul seperti dalam al-Quran.

A	B	C	D
مَرَحًا	خَدَلًا	مُحْتَالٍ	تَمَشٍ

وَلَا تُصَعِّرْ (i) _____ لِلنَّاسِ وَلَا (ii) _____ فِي الْأَرْضِ (iii) _____
 إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ (iv) _____ فَخُورٍ

(سورة لقمان: 18)

[4 markah]

[Lihat sebelah]
SULIT

2 (a) Firman Allah SWT:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ
بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ
تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

(سورة التوبة: 128-129)

Ayat di atas menjelaskan tentang kasih sayang Rasulullah SAW terhadap umatnya dan tawakal baginda dalam berdakwah.

- (i) Nyatakan **dua** contoh sifat kasih sayang Rasulullah SAW terhadap umatnya. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara seorang anak menunjukkan kasih sayang kepada kedua ibu bapa mereka. [4 markah]
- (iii) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah sifat tawakkal dapat membantu anda mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan. [2 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
بِمَنْكِبِي فَقَالَ كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا
أَمْسَيْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الصَّبَاحَ وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرَضِكَ
وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ.

(رواه البخارى)

Hadis di atas menerangkan tentang kehidupan di dunia ibarat seorang perantau dan sebaik-baik bekalan untuk kehidupan di akhirat adalah takwa.

- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan takwa ? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** cara untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]

[Lihat sebelah]

- (c) Susun semula potongan ayat al-Quran di bawah mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Anda dikehendaki menulis nombor sahaja mengikut susunan ayat yang betul.

فِيهَا مِصْبَاحٌ	1
الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ	2
مِثْلُ نُورِهِ، كَمِشْكُوتٍ	3
اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ	4

(سورة النور: 35)

[4 markah]

- 3 (a) Firman Allah SWT:

قُلْ إِنِّي هَدَانِي رَبِّي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ دِينًا قِيمًا مِثْلَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٦١﴾ قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُ ۗ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمَسْلُومِينَ ﴿١٦٣﴾

(سورة الانعام 161-163)

Ayat di atas menjelaskan tentang ikrar seorang hamba dengan Allah SWT.

- (i) Nyatakan **dua** ikrar yang terdapat dalam ayat di atas. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** kelebihan menghayati ikrar tersebut. [2 markah]
- (iii) " Islam agama yang lurus dan diredhai Allah SWT." Berikan **dua** pendapat anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

[Lihat sebelah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تَحَاسَدُوا وَلَا تَنَاجَشُوا وَلَا تَبَاغَضُوا وَلَا تَدَابَرُوا وَلَا يَبِعَ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا. الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يَخْذُلُهُ وَلَا يَكْذِبُهُ وَلَا يَحْقِرُهُ، التَّقْوَى هَهُنَا وَيُشِيرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ بِحَسَبِ امْرِئٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ. كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعَرَضُهُ.

(رواه ومسلم)

Antara sifat negatif yang terdapat di dalam hadis di atas ialah sifat hasad dengki dan tipu menipu.

- (i) Nyatakan **dua** faktor berlakunya tipu menipu dalam masyarakat.
[2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan negatif sifat tipu menipu terhadap masyarakat.
[4 markah]
- (iii) Apakah yang dimaksudkan dengan potongan hadis di bawah :

وَلَا يَبِعَ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ

[2 markah]

(c) Tulis semula petikan ayat al-Quran berikut dan letakkan tanda baris dengan sempurna.

لو أنزلنا هذا القرآن على جبل لرأيته خشعا متصدعا
من خشية الله ^ج وتلك الأمثل نضربها للناس لعلهم
يتفكرون

(سورة الحشر : 21)

[4 markah]

[Lihat sebelah]

4 (a) Firman Allah SWT :

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِنَتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ تَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

(سورة المؤمنون: 8-9)

Di antara ciri-ciri mukmin yang berjaya ialah menjaga amanah dan memelihara solat.

- (i) Nyatakan **dua** contoh amanah seorang pelajar terhadap guru. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kebaikan menjaga amanah terhadap guru. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** cara untuk memelihara solat. [2 markah]
- (iv) Jelaskan **dua** pengajaran daripada potongan ayat al-Quran di atas. [4 markah]

(b) Tulis semula **empat** potongan ayat yang mengandungi hukum mim mati dalam petikan ayat al-Quran di bawah selain daripada potongan ayat

خَلَقَكُمْ مِّن . Anda tidak perlu menyatakan hukum tajwidnya.

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِّن طِينٍ ثُمَّ قَضَىٰ أَجَلًا ۗ وَأَجَلٌ مُّسَمًّىٰ عِنْدَهُ ۗ ثُمَّ أَنْتُمْ تَمْتَرُونَ ﴿٢﴾ وَهُوَ اللَّهُ فِي السَّمٰوٰتِ وَفِي الْأَرْضِ ۗ يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَجَهْرَكُمْ وَيَعْلَمُ مَا تَكْسِبُونَ ﴿٣﴾ وَمَا تَأْتِيهِمْ مِّنْ آيَةٍ مِّنْ آيٰتِ رَبِّهِمْ إِلَّا كَانُوا عَنْهَا مُعْرِضِينَ ﴿٤﴾

(سورة الانعام: 2-4)


[4 markah]

[Lihat sebelah]

- (c) Tukarkan perkataan di bawah ke dalam tulisan jawi.
- (i) Karbohidrat.
 - (ii) Rumahtangga.
 - (iii) Sains dan teknologi.
 - (iv) Angkasawan negara.

[4 markah]

- 5 (a) Firman Allah SWT :



Ayat di atas menjelaskan bahawa umat Islam hendaklah memberi perlindungan kepada orang bukan Islam yang memerlukan perlindungan dan berusaha menyampaikan dakwah Islam kepada mereka.

- (i) Nyatakan **dua** ciri pendakwah yang baik. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara menyampaikan dakwah secara berkesan dalam masyarakat majmuk di Malaysia. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** cabaran yang mungkin dihadapi semasa berdakwah. [4 markah]

[Lihat sebelah]

